

SOALAN NO. 45**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN****MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT****PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS****MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM
[BERUAS]**

TARIKH : 25 JULAI 2017 (SELASA)

SOALAN :

DATO' NGEH KOO HAM [Beruas] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah Perintah Perlindungan Interim (IPO) dan jumlah Perintah Perlindungan (PO) yang dikeluarkan oleh pihak mahkamah kepada mangsa keganasan rumah tangga dari tahun 2010 hingga sekarang. Berapakah rumah perlindungan untuk mangsa keganasan telah disediakan setiap negeri.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah merekodkan sebanyak **2393 Perintah Perlindungan Interim (IPO)** dan **138 Perintah Perlindungan (PO)** dikeluarkan oleh mahkamah kepada mangsa keganasan rumah tangga bagi tahun 2010 hingga 2016.

Berikut adalah pecahan **IPO** mengikut tahun:

Tahun	Bil IPO yang dikeluarkan oleh mahkamah
2010	356
2011	325
2012	301
2013	218
2014	385
2015	306
2016	506
Jumlah	2393

Berikut adalah pecahan **PO** mengikut tahun:

Tahun	Bil PO yang dikeluarkan oleh mahkamah
2010	2
2011	15
2012	2
2013	8
2014	25
2015	34
2016	52
Jumlah	138

Tuan Yang Dipertua,

Bagi memastikan kebajikan mangsa yang memerlukan perlindungan terbela, tempat selamat yang diluluskan oleh Menteri di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 adalah sebanyak **43 buah** bagi seluruh Malaysia. Berikut adalah jumlah tempat selamat mengikut negeri:

NEGERI	JUMLAH
Sarawak	5
Selangor	5

NEGERI	JUMLAH
Johor	5
Terengganu	4
Perak	5
Kedah	3
Sabah	4
Pahang	3
Negeri Sembilan	2
WP Labuan	2
Kuala Lumpur	1
Kelantan	1
Melaka	1
Perlis	1
Pulau Pinang	1
JUMLAH	43